

ATA IBU MUDA



Nurul Amilin Idrus
Penyampai Radio & Usahawan

Sebagai ibu kepada dua cahaya mata yang masih lagi kecil. Kes penderaan kanak-kanak sangat jenayah hati ini. Isu ini mungkin semakin meningkat lantaran lebih banyak ibu dan bapa sama-sama ekerja berbanding sebelum ini lebih ramai ibu memilih untuk menjadi suri rumah tangga. Jadi bila anak-anak ditinggalkan bersama pengasuh, orang gaji atau taska kita sendiri tidak tahu bagaimana layanan mereka terhadap anak-anak, jadi saya rasa faktor ini menjadi penyumbang kepada gejala penderaan yang banyak berlaku.

Oleh itu saya memilih untuk meletakkan anak-anak di bawah jagaan kedua orang tua saya sewaktu saya ekerja. Kadang-kadang rasa juga ralat namun sekurang-kurangnya kita tahu mereka selamat di bawah emantuan datuk dan juga nenek. Namun bagi mereka yang tidak punya kelebihan ini, tidak salah menghantar anak ke rumah pengasuh atau taska. Apa yang penting selidik dahulu latar belakang taska dan pengasuh yang dipilih. Pastikan taska tersebut berdaftar dan dikendalikan oleh individu yang profesional. Alah dengan pengasuh pula, pastikan hubungan anda baik dengan mereka dan sekali-sekala lakukanlah pemeriksaan mengejut sebagai ibu bapa kita mendapat input bagaimana anak kita dijaga semasa afadiran kita di sisi mereka."



Saidatul Akmar Mohd Shah
Penerbit Rancangan TV

Bagi saya isu penderaan kanak-kanak di Malaysia sangat membimbangkan. Banyak terjadinya penderaan disebabkan oleh penjaga taska, pengasuh dan juga ibu bapa. Pada pendapat saya ibu bapa yang menjadi pendera ini sebenarnya terkenan dengan tekanan kehidupan masa kini yang menghimpit. Sebagai contoh kas sara yang hidup yang tinggi menjadikan jiwa mereka terdesak dan juga tidak dapat membuat pertimbangan waras sehingga melampiaskannya terhadap anak-anak.

Oleh sebab itu saya tidak menghantar kedua-dua anak saya ke taska atau pengasuh, sebaliknya mereka berdua dijaga oleh ahli keluarga sendiri, jadi tiada isu dera mendera. Lagipun keluarga saya berkerja agar anak-anak saya berada di bawah jagaan mereka atas faktor keselamatan. Kadang-kadang kalau hantar kepada pengasuh dan taska, mereka tidak mendera namun sikap zudai menyebabkan sesuatu yang buruk boleh terjadi kepada anak-anak yang dihantar kepada mereka. Oleh itu kepada ibu bapa yang berkerja seberti saya dan suami, perkara pertama jika mahu melepaskan anak anda kepada orang ketiga adalah kepercayaan. Tinggalkan mereka kepada orang yang rapat dengan anda."

"Isu penderaan kanak-kanak sememangnya bukan satu isu baru di negara kita. Kalau kita lihat sebenarnya saban tahun kes-kes penderaan semakin meningkat, lebih memulaukan hati kanak-kanak OKU menjadi mangsa dera ibu kandung sendiri. Jika kita lihat kepada faktor berlakunya penderaan ini, ia lebih kepada masalah tekanan perasaan dan masalah yang banyak membelenggu diri ibu bapa itu sendiri. Sewajarnya mereka harus tahu bagaimana untuk menyalurkan tekanan yang dihadapi dengan langkah yang baik, bukan dengan melepaskan masalah itu dengan mendera anak-anak yang tidak berdos.

Kalau dari segi menghantar anak untuk di jaga, selajurnya saya menghantar anak ke rumah pengasuh persendirian kerana bilangan anak-anak yang dijaga tidak seramai di taska. Namun apabila menghantar anak ke tangan pihak ketiga seperti pengasuh, taska atau orang gaji sendiri, mungkin kita boleh mengadakan lawatan mengejut tanpa memberitahu mereka agar kita boleh lihat situasi sebenar anak yang dijaga. Jika anak sudah pandai bercakap, ajar mereka untuk berkata benar sekiranya mereka disakit oleh penjaga."



Nurul Yatasha Salehin
Kakitangan Kerajaan

"Kini selalu sahaja kes-kes penderaan kanak-kanak disiarkan oleh media-media tempatan. Ada yang didera oleh pengasuh dan yang paling menyayat hati didera oleh ibu bapa sendiri. Saya sebagai seorang ibu amat terkenan dengan berita seperti ini dan air mata akan mengalir tanpa disedari, mungkin inilah yang dinamakan naturi seorang ibu. Tidak dapat saya bayangkan kalau anak saya diperlakukan sebegitu rupa. Diharapkan agar pihak berkuasa mengenakan hukuman yang setimpal kepada pendera kanak-kanak. Ketika saya dan suami berkerja, anak kami diletakkan di bawah penjagaan pengasuh. Alhamdulillah setakat ini anak kami di jaga dan dididik oleh pengasuh yang dipanggil ibu dengan baik.

Walaupun baru berusia setahun dia sudah boleh memahami erti salam, pandai cakap hai dan yang penting dia sihat dan gembira. Saya rasa sangat bersyukur dipertemukan dengan pengasuh yang baik. Namun jika pengasuh kita baik, tidak semestinya kita harus melepaskan tangan sahaja. Seelok-eloknya sekali-sekala lakukanlah spot check, datang tanpa memberitahu supaya kita dapat lihat keadaan sebenar. Bukannya tidak percaya tetapi lebih kepada langkah berhati-hati. Kita juga patut selalu menelefon bertanya khabar dan berbuat baik dengan pengasuh. Jangan anggap mereka seperti orang suruhan sebaliknya layan mereka seperti keluarga. Saya percaya jika kita berbuat baik kepada pengasuh nescaya mereka juga akan berbuat baik kepada kita. Jangan pernah kedekut untuk tolong belikan barangan dapur dan kalau saya ke luar negara, pasti ada oleh-oleh sebagai kenangan buat pengasuh anak saya."



Wan Noor Hazlinda
Penolong Pengurus Pemasaran & Komunikasi